

Petualang2 BN tetap ditolak — Mahathir

NIBONG TEBAL, Isnin — Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr Mahathir Mohamed hari ini, menyelar anggota-anggota UMNO yang bertanding sebagai calon bebas atau menyokong calon-calon parti lawan sebagai orang yang tidak sedarkan diri dan salah perhitungan.

Katanya, sebagai pemimpin UMNO, mereka merasa cukup kuat dan menganggap perbuatan mereka akan dipersetujui oleh pengikut-pengikutnya.

Sebenarnya, kata beliau, kekuatan dan pengaruh mereka adalah kerana berada di bawah bayang-bayang UMNO yang hilang dengan sendirinya bila mereka meninggalkan UMNO.

Dato Seri Dr Mahathir berkata demikian ketika berucap di majlis ceramah membantu calon-calon Barisan Nasional kawasan Parlimen Nibong Tebal, Dr Goh Cheng Teik dan kawasan Dewan Negeri Sungai Bakap, Encik Teoh Kooi Seah di Rumah UMNO Sungai Bakap, 2 batu dari sini hari ini.

Beliau sekali lagi memberi amaran bahawa tidak ada tempat dalam Barisan Nasional untuk mereka yang meninggalkan parti-parti komponen untuk bertanding sebagai calon bebas dalam pilihanraya 8 Julai ini.

Katanya, Barisan Nasional tidak akan menerima mereka kembali walau pun tinggi mana kedudukan mereka dalam parti dan masyarakat.

"Imej dan disiplin dalam Barisan Nasional akan dipertahankan lebih dari kepentingan peribadi seseorang calon atau pemimpin," tegasnya.

Beliau berkata, ramal calon-calon bebas yang terdiri dari bekas ahli-ahli parti komponen masih bersandar dengan kemegahan dan kekuatan

Barisan Nasional dalam menjalankan kempen-kempen mereka.

Mereka memberitahu pengundi-pengundi bahawa mereka akan diterima semula menjadi anggota parti komponen Barisan Nasional apabila mereka menang kelak, kata Dato Seri Dr Mahathir.

"Saya mengingatkan mereka sama ada bekas ahli UMNO, MCA, MIC, Gerakan dan sebagainya, mereka tidak akan diterima kembali dalam Barisan Nasional walaupun mereka mempunyai pengaruh dan kekuatan," katanya.

No. Seri. 1363-1364

No. Peru. 1034-1035/